

## Keberkesanan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam Meningkatkan Tahap Penguasaan Hafazan Quran bagi Remaja Pekak (The Effectiveness of Tahfiz Akhyar Method in Increasing the Level of the Quran Memorization for Deaf Youths)

Siti Ramna Khamaruddin  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
amnamuhammad94@gmail.com

Nurul Asiah Fasehah Muhamad  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
nurulasiahfasehah@usim.com

### Abstrak

Hafazan merupakan cara untuk menjaga kesucian dan ketulenan ayat suci al-Quran. Berdasarkan pemerhatian, di Malaysia khususnya ramai para huffaz terdiri daripada komuniti tipikal sahaja bahkan tiada kaedah khusus bagi komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) khususnya komuniti Pekak untuk menghafaz Quran. Justeru, artikel ini bertujuan mengkaji keberkesanan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam meningkatkan tahap penguasaan hafazan Quran untuk remaja pekak menerusi Kem Huffaz Remaja Pekak yang telah berlangsung selama 5 hari 4 malam bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan melibatkan 19 orang remaja pekak sebagai peserta kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran melalui kaedah pemerhatian dan ujian akhir sebagai alat instrumen. Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa Kaedah Tahfiz Akhyar dapat membantu meningkatkan tahap hafazan beberapa surah lazim. Pencapaian hafazan antara peserta kajian berbeza-beza mengikut kecenderungan, kemampuan dan tahap pendengaran mereka. Implikasinya, Kem Huffaz Remaja Pekak ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang dan dapat sokongan daripada pelbagai pihak.

**Kata kunci:** Tahfiz Akhyar, Tahap penguasaan, Hafazan, Quran, Pekak

### Abstract

Memorizing is a way of preserving the sanctity and purity of the holy verses of the Quran. Based on observations, in Malaysia especially many people who memorize the Quran consist of a typical community, even there is no specific method for the disabled community especially the deaf community for memorizing Quran. Hence, this article aims to study the effectiveness of Tahfiz Akhyar method in order to increase the level of Quran memorization for deaf youths through the Deaf Youth Huffaz Camp which lasted for 5 days 4 nights at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and involving 19 deaf youths as a study participant. This study uses a mixed approach through observation method and final test as instrument tool. The findings of the study show that the Tahfiz Akhyar method can help improve the memorization level of some of the common surah. The achievements of the study participants varied according to their tendency, ability and level of hearing. The implication is that the Deaf Youth Huffaz Camp will continue in the future with the support of various parties.

**Keywords:** Tahfiz Akhyar, Level of mastery, Memorization, Quran, Deaf

Article Progress

Received: 27 January 2021

Revised: 10 February 2021

Accepted: 24 February 2021

## 1. PENDAHULUAN

Sebagai seorang Muslim adalah menjadi suatu tanggungjawab dalam memelihara Kalamullah dari sebarang bentuk penyelewengan yang berlaku di akhir zaman ini (al-Suyuti, 1987). Salah satu usaha yang dijalankan sejak dari zaman Rasulullah lagi dalam memastikan keaslian al- Quran ialah melalui cara menghafaz Quran yang merupakan sumber rujukan utama bagi semua komuniti Muslim (Al-Habash, 1987). Tidak dapat dinafikan bahawa kepelbagaian kaedah hafazan ini dapat membantu untuk menghafal Quran.

Dalam isu pendidikan Quran bagi komuniti pekak, masih terdapat kelompangan yang belum dipenuhi dengan sepenuhnya (Norakyairee Mohd Raus, 2018; Ahmad, 2018; Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017; Hamdi Ishak, 2016; Muhammad Suyuti et al., 2016; Mustafa Che Omar et al., 2015; Nur Hannah Saari et al., 2012). Komuniti pekak sebelum ini merasakan jauh daripada Quran dan hanya mampu memegang, melihat dan menyentuh Quran sahaja tetapi tidak mampu membaca dan mempelajarinya. (Norakyairee Mohd Raus, 2018; Sariah Ibrahim, 2018; Nor Aziah Daud et al., 2012). Tambahan, komuniti pekak hanya menghafal imej dan bentuk kedudukan surah di dalam Quran tanpa mengetahui isi kandungan ayat dan kalimah surah tersebut (Norakyairee Mohd Raus, 2018). Lebih mendukacitakan lagi, tiada kaedah hafazan yang khusus bagi mereka yang bersesuaian dengan kelainan dan kekuatan mereka. (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah, 2017; Kurikulum QurANIS, 2017).

Walaubagaimanapun, komuniti istimewa perlu diberi ruang dan peluang untuk mendekati Quran (Norakyairee Mohd Raus, 2017; Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017; Hamdi Ishak, 2016; Muhammad Suyuti Sabdan et al., 2016; Mustafa Che Omar et al., 2015; Nur Hannah Saari et al., 2012). Secara umumnya, komuniti OKU mampu untuk menghafaz Quran dengan baik sekiranya mereka diberikan peluang. (Ahmad, 2015; Mohd Huzairi Awang et al., 2010) Hal ini kerana mereka juga berhak mendapat rahmat yang diturunkan Allah melalui Quran (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016; Hamdi Ishak, 2010) kerana Quran diturunkan sebagai *Rahmatallil 'Alamin* iaitu rahmat untuk semua makhluk (Quran, 6: 52, 203, 204; 17: 82; 41: 44).

Namun begitu, kebanyakan komuniti pekak tidak diberi pendedahan yang mencukupi untuk pembelajaran Quran berbanding dengan komuniti tipikal (Mustafa Che Omar et al., 2015; Global Deaf Muslim, 2014; Ab Aziz Mohd Zin et al., 2009). Tambahan pula, kaedah hafazan yang wujud pada masa kini kebanyakannya menggunakan kaedah fonetik (Zulkifli Mohd Yaakob & Nordin, 2016). Namun kaedah ini kurang bersesuaian dengan komuniti pekak yang mempunyai masalah pendengaran dan pertuturan (Hamdi Ishak, 2017; Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016; Mustafa Che Omar et al., 2015). Selain itu, wujud salah anggap dikalangan ibu bapa yang mempunyai anak pekak khususnya beranggapan anak pekak ini tidak perlu dididik kerana ketidakupayaan pendengaran yang dialami dan mengelarkan mereka sebagai anak syurga. Disamping itu, mereka juga tidak berkemahiran berbahasa isyarat untuk mengajar Quran kepada anak mereka ( Ahmad et al., 2018; Nafiseh et al., 2013).

Justeru, Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Quran (CQR), Universiti Malaya dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia telah menjalankan projek rintis dalam membangunkan Kurikulum QurANIS yang merupakan inovatif Pendidikan Quran dan Ibadah Anak Istimewa (Kurikulum QurANIS, 2017). Kaedah Tahfiz Akhyar adalah salah satu kaedah bagi komponen hafazan dalam Kurikulum QurANIS (Kurikulum QurANIS, 2017). Kaedah ini dibangunkan oleh Hj. Norakyairee Hj Mohd Raus dan Zaharatul Sophia Mohamed Amir Abas pada tahun 2014. Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk menghafaz sesuatu bacaan berasaskan teknik Nabawi sama ada menghafaz Quran, bacaan dalam solat, doa dan sebagainya dengan mengikut tahap kekuatan dan kecenderungan komuniti istimewa tersebut (Kurikulum QurANIS, 2017). Kaedah ini mengandungi tiga fasa iaitu fasa teknik asas terdiri daripada Talqin dan Tartil,

Talaqqi dan Mushafahah dan Tikrar (pengulangan). Bagi fasa yang kedua pula, iaitu fasa pemantapan terdiri daripada hafalan sebutan (*verbal*) atau hafalan bukan sebutan (*non verbal*). Seterusnya, bagi fasa ketiga iaitu fasa penilaian terdiri daripada penilaian berbentuk isyarah, murajaah, tasmik dan imlak. Ini telah memberikan ruang dan peluang kepada komuniti istimewa ini untuk menghafaz ayat suci Quran (Kurikulum QurANIS, 2017).

Secara asasnya, Kaedah Tahfiz Akhyar dibangunkan untuk komuniti autisme yang mempunyai masalah pertuturan (*non-verbal*) untuk menghafaz sesuatu bacaan sama ada bacaan dalam solat, doa dan sebagainya. Namun begitu, melihat kepada kelebihan dan keupayaan komuniti pekak yang mengalami masalah pendengaran dan kesukaran untuk bertutur dengan jelas, kaedah ini sesuai dijadikan salah satu kaedah untuk komuniti pekak ini menghafal Quran. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap penguasaan hafazan remaja pekak berdasarkan surah al-Fatihah dan beberapa surah-surah lazim yang lain dengan menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar. Diharapkan pembinaan metod Kaedah Tahfiz Akhyar ini dapat meningkatkan tahap penguasaan hafazan Quran kepada remaja pekak dan secara tidak langsung memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk berinteraksi dengan Quran dan mendapat petunjuk daripadanya melalui strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang berasaskan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian yang menggunakan pendekatan kaedah campuran. Bahagian ini juga membincangkan mengenai instrumen pengumpulan data, dan cara penganalisan data akan diperjelaskan dalam bahagian ini. Tahap penguasaan hafazan peserta kajian berdasarkan surah al-Fatihah dan surah lazim yang lain seperti surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah an-Nas. Semasa analisis data, pengkaji menggunakan singkatan (PK) kepada peserta kajian.

Dalam kajian ini, protokol pemerhatian kelas digunakan sebagai intrumen pengumpulan data bagi mengetahui tahap hafazan peserta kajian dengan menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar dengan bantuan alat teknikal seperti mencatatkan maklumat tahap penguasaan hafazan peserta kajian setiap slot hafazan dengan menggunakan alat instrumen seperti buku log peserta kajian, alatan elektronik perakam video dan kamera. Bahan-bahan sokongan atau bantuan pemerhatian ini boleh digunakan sebagai sumber yang berguna untuk menganalisis data selepas pemerhatian dan spek-aspek yang perlu sebelum melakukan pemerhatian ketika proses hafazan murid menggunakan Kaedah Tahfiz Akhyar.


Pengkaji akan menganalisis buku log peserta kajian yang dicatat oleh setiap fasilitator yang bertugas selepas tamat setiap slot hafazan bagi mengetahui setiap perkembangan tahap penguasaan hafazan peserta kajian yang menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar. Selain itu, kajian ini menjalankan ujian akhir untuk mengenal pasti tahap penguasaan hafazan surah yang dihafal dengan meminta peserta kajian menyusun semula potongan-potongan kalimah mengikut susunan ayat yang betul berdasarkan surah al-Fatihah dan surah lazim yang lain seperti surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah an-Nas selepas kaedah selepas kaedah ini diajarkan kepada peserta kajian. Hasil dapatan akan direkodkan sebagai dapatan akhir kajian.

### 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 3.1 Demografi Peserta Kajian

Peserta kajian adalah terdiri daripada 19 orang remaja pekak yang berusia antara 11 hingga 19 tahun yang terlibat secara langsung dalam Kem Huffaz Remaja Pekak yang dianjurkan. Peserta kajian juga mempunyai tahap pendengaran yang berbeza seperti tahap ringan, sederhana, lemah dan sangat lemah. Berikut adalah Jadual 1.0 demografi peserta kajian dan Jadual 1.1 tahap kepekakan peserta kajian:

Jadual 1.0: Demografi peserta kajian




Jadual 1.1: Tahap kepekakan peserta kajian

Kehilangan (dB)	Kategori	Pendengaran Tanpa Alat	Bilangan Peserta kajian
0- 20	Normal/ biasa	Boleh mendengar semua bunyi	0
20- 40	Ringan/ mild	Bunyi vokal boleh didengar dengan jelas tetapi mungkin tidak menyedari beberapa bunyi konsonan. Mendengar kebanyakan bunyi-bunyi pertuturan yang kuat	4
40 - 70	Sederhana	Mendengar kebanyakan bunyi-bunyi pertuturan	9
70 - 90	Lemah	Tidak dapat mendengar kebanyakan bunyi-bunyi pertuturan dalam perbualan biasa (normal conversation level)	6
90 ke atas	Sangat lemah / profound	Tidak boleh mendengar bunyi-bunyi pertuturan yang biasa walaupun dikuatkan.	0


#### 3.2 Dapatan Keberkesanan Tahfiz Akhyar

Dapatan kajian akan membincangkan hasil tahap hafazan PK sebelum dan selepas kaedah Tahfiz Akhyar dilakukan. Bagi kaedah Tahfiz Akhyar, data direkodkan berdasarkan pemerhatian terhadap hafazan PK melalui susunan kalimah dalam surah al-Fatihah dan surah lazim seperti surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah An-Nas. Jadual 1.2 merupakan dapatan kajian melalui pemerhatian sebelum dan selepas pengajaran kaedah Tahfiz Akhyar dilakukan kepada PK bagi pecahan ayat bagi surah al-Fatihah.

Jadual 1.2 : Dapatan kajian hafazan surah al-Fatihah mengikut pecahan ayat



Rajah A: Dapatan sebelum




Rajah B: Dapatan selepas


Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, kesemua PK tidak mengetahui cara hafazan melalui Kaedah Tahfiz Akhyar seperti Rajah A. Bagi PK, selepas diperkenalkan kaedah Tahfiz Akhyar ini, ternyata kaedah ini sesuai kerana selari dengan kekuatan mereka iaitu mengvisualkan ayat tersebut dan berbentuk seperti permainan puzzle . Merujuk kepada Rajah B, selepas kaedah ini dilakukan kepada PK, seramai 7 orang boleh menyusun susunan al-Fatihah dengan betul dari ayat 1 hingga 7. Kemudian diikuti dengan 4 orang mampu menyusun dari ayat 1 hingga 6. Manakala, seramai 2 orang mampu menyusun dari ayat 1 hingga 5, ayat 1 hingga 4 dan ayat 1 hingga 3. Bagi ayat 1 hingga 2 seorang daripada PK mampu menyusun dengan baik dan begitu juga dengan ayat 1, seorang PK mampu menyusun dengan betul.

Selain itu, kaedah Tahfiz Akhyar juga menggunakan beberapa surah lazim yang lain seperti surah al-Fatihah surah al-Ikhlash, surah al-Falaq dan surah An-Nas. Jadual 1.3 merupakan dapatan kajian melalui pemerhatian sebelum dan selepas bagi surah al-Fatihah, surah al-Ikhlash, surah al-Falaq dan surah An-Nas.

Jadual 1.3: Dapatan kajian hafazan surah lazim



Rajah A: Dapatan sebelum



Rajah B: Dapatan selepas

Berdasarkan Jadual 1.3, terdapat peningkatan hafazan PK berdasarkan surah lazim berbanding dengan Rajah A. Menurut Rajah B, surah al-Ikhlash mendapat bilangan PK yang paling tinggi iaitu seramai 13 orang yang mampu menghafalnya dengan susunan yang betul. Kemudian, diikuti dengan surah al-Falaq dan Surah an-Nas iaitu seramai 3 orang yang mampu menghafalnya dengan susunan yang betul. Berdasarkan Jadual 1.2 dan 1.3, penggunaan kaedah Tahfiz Akhyar terhadap hafazan PK menunjukkan peningkatan yang sangat baik. Kaedah ini memberi peluang kepada PK menghafal surah dengan cara yang pelbagai iaitu dengan menyusun potongan kalimah surah yang dipilih.

### 3.2 Teori Asas Kemahiran Quran

Hasil daripada dapatan, kaedah Tahfiz Akhyar ini memberi kesan yang positif terhadap hafazan peserta kajian dengan meraikan kelebihan dan kelainan pada komuniti pekak yang mempunyai masalah pendengaran dan pertuturan. Kaedah Tahfiz Akhyar merupakan sebahagian daripada metod Teori Asas Kemahiran Quran yang diadaptasi daripada surah al-Qiyamah:75:16-19. Firman Allah s.w.t:


لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۗ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ﴿١٦﴾

*Maknanya: Janganlah kamu engkau (Muhammad) gerakkan lidahmu (untuk membaca Quran) kerana hendak cepat-cepat (menguasainya). Sesungguhnya Kami yang akan mengumpulkannya (di dadamu) dan membacaknya. Apabila Kami telah selesai membacaknya maka ikutlah bacaannya itu. Kemudian sesungguhnya Kami yang akan memperjelaskannya.*

Ayat ini bermaksud ketika Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, baginda menghafaz ayat-ayat suci Quran yang diwahyukan secara bersungguh-sungguh dan sewaktu Jibril a.s membacanya, baginda turut membaca bersama-sama serentak, lalu Allah s.w.t mendidik baginda agar mendengar dan menghayati terlebih dahulu, sehingga Jibril selesai membacanya barulah ikuti bacaannya, sambil berdoa semoga Allah Ta'ala menambah ilmunya untuk memahami serta mengamalkannya. (Abdullah Basmeh, 1985; Misnan et al.,2014)

Berdasarkan ayat Quran ini, terdapat empat komponen utama yang diserap sebagai Teori Asas Kemahiran Quran iaitu; Mengenal, Menghafal, Membaca dan Memahami. Berikut Jadual 1.4 adalah Teori Asas Kemahiran Quran yang diadaptasi daripada surah al-Qiyamah ayat 16-19.

Jadual 1.4: Teori Asas Kemahiran Quran



Pada tahap pertama iaitu mengenal Quran, komuniti pekak didedahkan mengenai Quran secara berindeks dari segi sejarah penurunan Quran, bilangan surah, tempat penurunan surah atau ayat dan adab-adab dengan Quran (Kurikulum Yayasan FAQEH, 2017). Dari segi hafalan, pelbagai kaedah hafalan dibangunkan untuk komuniti pekak menghafal Quran seperti kaedah Tahfiz Akhyar dan kaedah Penulis Wahyu iaitu menulis semula berdasarkan ayat Quran yang dihafal. Kemudian, dari segi tilawah, bagi komuniti pekak yang mempunyai suara dilatih untuk mengeluarkan suara berpandukan panduan Transliterasi Makhraj yang dibangunkan oleh (Norakyairee Mohd Raus et al.,2017). Manakala, bagi komuniti pekak yang tidak mempunyai suara boleh membaca menggunakan kod tangan hijaiyyah denan membatangkan huruf untuk membaca Quran seperti Kaedah Fakih yang dibangunkan oleh Ustazah Nor Aziah Mohd Daud ( Syar Meeze Mohd Rashid, 2017; Nor 'Aziah Mohd Daud, 2012) atau menggunakan huruf hijaiyyah Arab. Selain itu juga, Kaedah Tilawah Asyraf diterapkan sebagai pengukuhan dalam hafazan dan secara tidak langsung dapat mengenal bentuk huruf, mengenal baris, sabdu dan sukun. Seterusnya, dalam memahami isi kandungan Quran, penggunaan bahasa isyarat Malaysia atau BIM digunakan untuk menjelaskan makna ayat Quran kerana BIM merupakan bahasa pertama komuniti pekak dan bahasa visual yang

dapat mewujudkan komunikasi yang baik kepada komuniti pekak. (Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017; Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2014; Lim, 2006; Sazali, 2004). Berikut adalah Jadual 1.5 mengenai ringkasan elemen yang terdapat dalam Teori Asas Kemahiran Quran yang bersesuaian dengan komuniti pekak.

Jadual 1.5: Elemen dalam Teori Asas Kemahiran Quran (Komuniti pekak)

	Kenal	Hafal	Tilawah	Faham
Perkara	Sejarah penurunan Quran	Kaedah Tahfiz Akhyar	Isyarat huruf hijaiyyah	Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)
	Bilangan surah		Kaedah Tilawah Asyraf	
	Tempat penurunan surah/ayat	Kaedah Penulisan Wahyu	Transliterasi makhraj	
	Adab-adab Quran		Kaedah Fakih	

### 3.3 Pembelajaran Visual

Selain itu, Kaedah Tahfiz Akhyar ini menekankan pembelajaran secara visual yang bertepatan dengan kekuatan komuniti pekak. Dalam kajian (Aidah Alias et al., 2016) telah membuktikan bahawa pelajar cacat pendengaran lebih cenderung dan berminat pembelajaran secara visual dengan menggunakan imej visual interaktif serta imej-imej pegun dan visual bergerak kerana ia merupakan cara yang paling berkesan dan bertindak sebagai saluran komunikasi yang paling mudah, murah serta mudah difahami oleh kanak-kanak cacat pendengaran. Kajian (Abdul Rahim Razali et al., 2017) juga menyatakan pembelajaran visual dapat meningkatkan kefahaman, memudahkan pembelajaran dan cara yang efektif untuk menguatkan ingatan. Manakala kajian (Valeria et al., 2014) menyatakan bahawa strategik pembelajaran visual ini memberi kesan yang positif kepada komuniti pekak dalam pembelajaran. Justeru, menunjukkan Tahfiz Akhyar ini relevan digunakan oleh komuniti pekak untuk menghafal Quran kerana menekankan pembelajaran hafazan Quran secara visual.

### 3.4 Fasa- Fasa Tahfiz Akhyar

Kaedah Tahfiz Akhyar ini menggabungkan kekuatan deria penglihatan dan pendengaran. Bagi komuniti pekak, deria penglihatan merupakan deria utama yang membantu mereka dalam proses hafazan Quran. Disamping melihat ayat dalam surah yang hendak dihafal secara tidak langsung peserta kajian akan mengetahui gambaran dan lokasi kedudukan surah yang dihafal didalam Quran. Bertepatan dengan kajian Syar Meeze Mohd Rashid et al., (2014) mengatakan bahawa komuniti pekak amat bergantung sepenuhnya kepada visual. Selain itu, mereka juga diperdengarkan ayat surah hafazan tersebut oleh fasilitator secara bertalaqqi dan musyafahah bagi melatih mereka untuk menyebut ayat suci Quran dengan melihat gerakan bibir dan merangsang sisa baki pendengaran khususnya bagi peserta kajian yang mempunyai tahap kepekakan yang ringan. Proses pengulangan atau tkrar dilakukan sebanyak 33 kali dengan menanda ke dalam buku latihan yang berkotak.

Fasa permulaan ini peserta kajian akan menggunakan kemahiran asas iaitu mengecam bentuk baris, huruf, kalimah atau ayat. Ini merupakan kemahiran yang menyokong kekuatan komuniti pekak dalam kaedah Tahfiz Akhyar ini. Bersesuaian dengan kajian Wan Fatmawati (2012), yang menyatakan bahawa kemahiran mengecam merupakan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh setiap individu kerana kemahiran mengecam ini dapat membantu dalam proses mengingat. Selaras dengan kaedah Tahfiz Akhyar yang memerlukan deria penglihatan dalam hafazan agar dapat meningkatkan tahap hafazan mereka.

Pada fasa seterusnya iaitu fasa pemantapan, peserta kajian akan menyusun semula potongan kalimah surah yang diberi berdasarkan turutan ayat tanpa melihat mushaf Quran. Fasa ini bagi menguji kekuatan ingatan dalam mengecam bentuk baris, huruf, kalimah atau ayat. Peserta kajian akan diminta melakukan semakan sendiri dengan merujuk mushaf Quran semula selepas penyusunan ayat surah selesai. Ini secara tidak langsung memberi pengalaman kepada peserta kajian berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan supaya boleh ditambah baik untuk penyusunan ayat seterusnya. Bertepatan dengan kajian Hamdi Ishak et al., (2012) teknik dalam mengajar komuniti pekak mesti diberi pengalaman kepada mereka terlebih dahulu supaya tidak mengulang kesalahan yang sama. Kemudian, peserta kajian akan diuji sekali lagi dengan menyusun potongan kalimah surah yang bercampur dengan semua ayat dalam satu surah. Pengulangan yang berterusan, akan menguatkan lagi ingatan peserta kajian terhadap hafazan mereka. Dalam kajian Mustafa Che Omar et al., (2015) mengatakan bahawa komuniti pekak ini mempunyai ingatan jangka pendek dan memerlukan pengulangan yang berterusan untuk menguatkan lagi ingatan mereka. Kaedah Tahfiz Akhyar ini bertepatan dengan kekuatan dan keupayaan komuniti pekak dalam membantu mereka meningkatkan tahap penguasaan hafazan Quran. Kemudian, bagi fasa penilaian iaitu fasa yang terakhir, peserta kajian akan menyusun setiap potongan kalimah secara pembahagian mengikut ayat dan campuran dengan semakan daripada fasilitator. Sekiranya fasilitator berpuas hati dengan susunan kalimah untuk surah tersebut maka peserta kajian boleh beralih ke surah seterusnya.

### 3.5 Penambahbaikan Tahfiz Akhyar

Walaupun bagaimanapun, setiap kaedah mempunyai kekuatan dan kekurangan yang tersendiri untuk ditambah baik. Bagi kaedah Tahfiz Akhyar, pengulangan yang lama dan kekeliruan kalimah ayat Quran yang sama juga mempengaruhi hafazan peserta kajian. Mereka akan merasakan cepat bosan terhadap pengulangan ayat yang sama dan keliru dengan sesetengah kalimah yang sama dan hampir sama seperti kalimah **الله** dan **الله** dalam surah al-Fatihah. Namun begitu, peranan fasilitator sangat penting dalam menjelaskan kepada peserta kajian supaya lebih peka terhadap kedudukan sesuatu kalimah tersebut dan menjadikan proses hafazan tersebut menjadi lebih santai dan tidak terlalu memberi tekanan terhadap peserta.

Sepanjang pemerhatian melalui slot Tahfiz Akhyar ini, sikap positif dan kreatif fasilitator yang mahir berbahasa isyarat juga mempengaruhi hafazan peserta kajian. Galakan dan sokongan fasilitator menggalakkan lagi peserta kajian untuk menghafal pelbagai surah. Tambahan, peserta kajian juga memberi kerjasama yang baik memandangkan kaedah Tahfiz Akhyar ini bertepatan dengan kebolehan dan keupayaan pembelajaran komuniti pekak untuk menghafal Quran. Justeru dapat dilihat kaedah Tahfiz Akhyar juga membantu komuniti pekak untuk menghafal Quran. Tambahan, kaedah ini juga sesuai digunakan bagi komuniti kelainan upaya yang lain seperti autisme non verbal yang mempunyai masalah pertuturan dan komuniti tipikal.

Oleh yang demikian, pelbagai kajian perlu lebih banyak dilakukan agar dapat mendekatkan komuniti istimewa ini pada Quran seterusnya mereka dapat merasai kehebatan dan kesucian mukjizat Quran yang telah Allah turunkan pada sekalian alam. Quran sememangnya terapi rohani dan fizikal dalam pembentukan sikap seseorang ke arah yang lebih baik (Norsidah Fauzan & Siti Naqiah Shahidan, 2015), malah dapat melahirkan generasi yang bermanfaat pada agama, bangsa dan negara. Daripada Uthman bin Affan RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

حَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

*Maksudnya: "Sebaik-baik manusia adalah orang yang belajar Quran dan mengajarkannya (kepada orang lain)."*

[Riwayat al-Bukhari (5027)]



Melalui hadith ini Allah telah memberi penghargaan kepada sesiapa yang belajar Quran dan mengajarkannya dan merupakan sebaik-baik manusia (Al-Bukhari, 1422 H). Justeru, peranan ibu bapa, guru, masyarakat dan kerajaan juga perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan, strategik pembelajaran, kemahiran dalam mendidik komuniti pekak ini untuk mempelajari Quran. Komuniti ini juga mempunyai hak untuk mencintai Quran seperti komuniti tipikal yang lain.

#### 4. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) dan Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum, Institut Sains Islam, USIM kerana memberi ruang dan peluang bagi menjalankan kajian ini.

#### 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kaedah Tahfiz Akhyar sangat penting sebagai salah satu kaedah dalam meningkatkan penguasaan hafazan Quran bagi remaja pekak. Secara tidak langsung dapat memberi ruang dan peluang untuk remaja pekak menyantuni Quran dengan menjaga mukjizat agung ini melalui teknik hafalan. Selain itu, komuniti ibu bapa yang mempunyai anak pekak, guru-guru Pendidikan Khas bahagian Pendidikan Islam dan pertubuhan persatuan OKU pekak boleh menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar ini sebagai satu alternatif untuk mendekatkan komuniti OKU Pendengaran dengan Quran. Sokongan dan penglibatan daripada semua lapisan masyarakat amat diutamakan bagi membantu merealisasikan komuniti OKU pendengaran mendapat pendidikan Quran. Diharapkan usaha ini, mampu melahirkan hafiz dan hafizah Quran dikalangan orang pekak.

#### RUJUKAN

Quran

- Ab.Aziz, M., Mohamad Kamil, A., Anisah, A., Mohd Fauzi, H., Nor Raudah, H., & Juwairiah, H. (2009). *Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Rahim, R., Noreha, Y., Rahimah, K., & Nordin Mamat. (2017). Visual Media Usage Teaching in Special Education Integration Programme (SEIP) of Hearing Impairment in Hulu Selangor. *International Conference on Special Education in Southeast Asia Region*, (pp. 151-161).
- Abdullah, B. (1985). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: BAHES:JPM.
- Ahmad, H., Zainuddin, N., Ali, R., Maarop, N., Yusoff, R., & Hassan, W. (2018). Augmented Reality to Memorize al-Quran for Hearing Impaired Students: A Preliminary Analysis. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*, 10(28), 91-102.
- Aidah, A., Nadzri, M., Nor Fariza, B., Meor Hasmadi, M., & Farihan, Z. (2016). Penerokaan Kesan Penagajaran dan Pembelajaran Menggunakan Imej Visual dalam Kalangan Pelajar Cacat Pendengaran. *Malaysian Journal Communication*, 145-162.
- Al-Bukhari, M. (1422 H). *Jami' Musnad Sohih Mukhtasir min Umuri Rasulullah s.a.w fi sunanihi wa ayyamihi*. Darul Tut Najah.
- Al-Habash, A. (1987). *Kaifa Tahfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Khair.
- Al-Suyuti, J. (1987). *Al-Itqan fi Ulumul Quran*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halaby.

- Global Deaf Muslim*. (2014). Didapatkan dari Global Deaf Muslim: <http://www.globaldeafmuslim.org/about/projects/> (30 Mei 2015)
- Hamdi Ishak. (2010). *Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdi, I. (2016). Methods of Teaching al-Quran to The Hearing Disability Children. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 33-39.
- Hamdi, I., Ab Halim, T., Rosadah, A., & Safani, B. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 11-24.
- Lim, L. (2006). *Understanding deaf culture Malaysian Perspectives*. Kuala Lumpur: Majudiri Y Foundation for the Deaf.
- Misnan, J., Ab. Halim, T., & Azmil, H. (2014). Kaedah Pengajaran al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*, 35-44.
- Mohd Huzairi, A., Hajarul Bahti, Z., Bani Hidayat, M., Nor Hayati Fatmi, T., & Nabiroh, K. (2010). Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran Fardhu Ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on teacher education* (pp. 240-250). Join Conference UPI & UPSI.
- Muhammad Sayuti, S., Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli, M., Nazean, J., Nor 'Aziah, M., & Noor Fadilah, M. (2016). Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Komuniti Pekak di Malaysia. *Jurnal al-Turath*, 1(2), 43-51.
- Mustafa, C., Nik Hassan, S., Abdullah, Y., & Abdul Hakim, A. (2015). Kesukaran Mengajar dan Belajar al-Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. *International Seminar on al-Quran in Contemporry Society* (pp. 208-221). UnisZA: Faculty of Islamic Contemporary Studies.
- Nafiseh Alaghehband, G., Nazean, J., Norlidah, A., Syar Meeze, M., & Mohd Yakub Zulkifli, M. (2013). Mother's Perspective Toward al-Quran Education for Hearing Impaired Children in Malaysia. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 1(4), 26-30.
- Nor 'Aziah, M. (2012). *Kaedah Mudah Pelajari al-Quran bagi OKU: Fakh al-Quran hadiah buat komuniti istimewa*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research.
- Nor 'Aziah, M., Nazean, J., & Nur Izzaidah, A. (2012). FAKIH: A Method to Teach Deaf People 'Reading' Quran. *Proceedings: The 2nd Annual International Qu'anic Conference* (pp. 53-67). Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR).
- Norakhyairee, M., Adnan, M., Noornajihan, J., Mahyuddin, H., & Nurul Asiah Fasehah, M. (2017). *i-SIGN QurANIS*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norakyairee, M. (2018, April 6). Pemahaman komuniti OKU Pendengaran tentang al-Quran. (K. Siti Ramna, Penemu duga)
- Norakyairee, M., & Nurutthoilah, M. (2017). Model dan Kurikulum Pendidikan al-Quran Holistik bagi OKU. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.

- Norsiah, F., & Siti Naqiah, S. (2015, Disember). Al-Quran untuk Terapi Minda dan Penyembuhan: Kajian menggunakan Quantitative Electroencephalograph (qEEG). *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2), 99-108.
- Nur Hannah , S., Cila , U., & Kamarul Shukri , M. (2012). Factors Affectings the Learning of the Holy Quran among Severly and Profoundly Hearing-Impaired Children with a Cochlear Implant. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(1), 85-92.
- Sariah, I. (2018, Mac 3). Cabaran komuniti OKU Pendengaran mempelajari al-Quran. (K. Siti Ramna, Penemu duga)
- Sazali, M. (2004). Budaya orang pekak. *Kertas Persidangan keluarga Pekak bahagia*. Hotel Crown Princess. Kuala Lumpur.
- Syar Meeze, M. (2017). Kemahiran Asas serta Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran kepada Komuniti Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Syar Meeze, M., Mohd Hanafi, M., & Noraidah , S. (2017, November). Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia di dalam Terjemahaman Maksud Surah al-Fatihah. *Gema Online: Journal of Language Studies*, 17(4), 209-224.
- Syar Meeze, M., Norlidah, A., Nazean, J., Mohd Yakub Zulkifli, M., & Zahiah, H. (2014, Oktober). Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) terhadap Komuniti Pekak. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4), 30.
- Valeria, H. F., Anibal, P. F., & Jesus, M. I. (2014). Visual Learning Strategies to Promote Litearcy Skills in Prelingually Deaf. *Revista Mexcana de Psicologia*, 1-10.
- Wan Fatmawati , W. (2012). Jom Mengecam ABC. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 56-70.
- Yayasan FAQEH, Y. P.-Q. (2017). *Kurikulum QurANIS*. Nilai: Yayasan FAQEH.
- Zulkifli , M., & Nordin, A. (2016). Memperkasakan Generasi al-Quran. Dalam W. Ridhoul, *Metode Menghafal al-Quran Saat Kuliah* (hlm. 129-144). Selangor: Darul Quran Jakim.